

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH MELAKA

DI NEGERI MELAKA, MALAYSIA

KES MAL NO 24-02-1999

DI ANTARA

XXXXXX

...

PLAINTIF

DAN

XXXXXX

...

DEFENDAN

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Melaka

(Y.A.A Datuk Mahammad Ibrahim) Ketua Hakim Syarie

No Kes **24-02-1999**

(Bantahan Awal Pemfailan Dokumen Tambahan)

(12 Muharram 1428 bersamaan 30 Januari 2007)

Undang-Undang Keterangan – Pembuktian Kandungan Dokumen.

Undang-Undang Tatacara Mal - Seksyen 85, Seksyen 86 . Seksyen 117 dan Seksyen

244, Penzahiran Dokumen & fakta, Pemeriksaan Dokumen, Memfailkan Afidavit, Kuasa

Sedia Ada Mahkamah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

A. FAKTA KES

1. Dalam kes ini Plaintiff telah memohon nafkah mutaah dan eddah daripada Defendan selepas bercerai dengan Defendan pada 25.6.1998.
2. Defendan telah memfailkan pembelaan dengan menafikan kesemua tuntutan yang dipohon oleh Plaintiff.
3. Setelah Plaintiff mengemukakan kesemua saksi Plaintiff dan Plaintiff telah menutup kesnya, peguam Defendan cuba untuk mengemukakan Ikatan Dokumen Tambahan yang ketiga semasa kes perbicaraan sedang berjalan yang mana pada masa itu, Defendan sedang memberi keterangan. Peguam Defendan terlupa dan tersedar untuk mengemukakan Ikatan Dokumen Tambahan Ketiga tersebut sebelum perbicaraan dilangsungkan memandangkan dokumen tersebut tercicir daripada pegangan anak guaman.
4. Ikatan Dokumen Ketiga Defendan tersebut adalah terdiri daripada Buku kira-kira Simpanan Bank Bumiputra Malaysia Berhad No. 02-033-22554-44 XXXXXX.
5. Peguam Plaintiff telah mengemukakan bantahan awal ke atas pemfailan Ikatan Dokumen Tambahan Ketiga tersebut kerana dokumen tersebut (jika diterima oleh Mahkamah) akan menyebabkan ketidakadilan kepada Plaintiff dan memprejudiskan Plaintiff serta mencacatkan keseluruhan prosiding Mahkamah.
6. Plaintiff membangkitkan bahawa Defendan sengaja untuk menyembunyikan bukti daripada Plaintiff.
7. Defendan melalui peguambelanya telah mengatakan bahawa dokumen ini telah terlepas pandang dan dokumen tersebut perlu kerana buku akaun BBMB ini adalah

buku akaun awal yang digunakan oleh Defendan pada tahun 1992 sehingga 1994 kemudian diteruskan dengan buku akaun BSN dari tahun 1995 hingga tahun 1997.

8. Penghakiman ini adalah berdasarkan kepada bantahan awal yang dikemukakan oleh Peguamcara Plaintiff terhadap pemfailan Ikatan Dokumen Tambahan Ketiga oleh peguamcara Defendan.

B. DIPUTUSKAN.

Mahkamah amat berpuashati bahawa sesuatu dokumen tambahan yang hendak dikemukakan di Mahkamah hendaklah dikemukakan sebelum perbicaraan bermula mengikut Seksyen 117 Enakmen Tatacara Mal (Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun) (2002), maka dengan ini Mahkamah menolak permohonan Defendan untuk mengemukakan Ikatan Dokumen Tambahan tersebut dan kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

C. PEGUAM SYARIE

Plaintif - Tetuan Yusof Rahmat & Co

Defendan - Tetuan Rosfinah & Co

D. KITAB-KITAB YANG DI RUJUK

1. التنظيم القضائي في الفقه الإسلامي
Karangan Dr. Muhammad Zuhaily mukasurat 312 cetakan Dar al-Fikr Damsyik Syria
2. Kitab (NAZARIYYAH AL-DAKWA) (نظرية الدعوى) Karangan Prof. Dr. Muhammad Nu'iam Yasin di dalam mukasurat 476.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

3. Kitab al-Mabsud (المبسوط) Karangan Abi Bakar Muhd Bin Ahmad Bin Abi Sahl jilid 16 mukasurat 63
4. Kitab l'lam Muwaqqien (إلام الموقعين) Karangan Imam Ibnu Qaiyyim juzuk 1 mukasurat 110
5. Kitab Mu'inu al-Hukkam oleh al-Imam A'laUddin A'li bin Khalil al-Tharabulsi , Jilid 1, mukasurat 12 dan 58 cetakan Dar-al-Fikr Beirut Lebanon.
6. Kitab (Lisanul hukkam Fi Ma'rifatil Ahkam) mukasurat 228, jld 1 cetakan Dar al-fikr Beirut Lebanon.
7. Kitab Usul al-Muhakamat as-Syarieyyah Wa Nizam al-Qadha al-Syarie Karangan Dr. Abdul Nasir Abu Basal

F. UNDANG-UNDANG YANG DI RUJUK

1. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002 Seksyen 48
2. (Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002, Seksyen 85, Seksyen 86 . Seksyen 117 dan Seksyen 244.

E. PENGHAKIMAN YAA DATUK MAHAMMAD IBRAHIM MSNM

1. Isu dalam kes ini ialah samada boleh atau tidak dokumen tambahan Defendan dimasukkan atau dibenarkan ketika mana pihak Plantif dan saksi-saksinya selesai memberikan keterangan dan telah menutup kesnya. Kalau dibenarkan apakah kesannya terhadap kes tersebut.
2. Dalam kes ini pihak Plantif dan saksi-saksi Plantif telah memberi keterangan. Di dalam keterangan yang diberikan, ada menyentuh mengenai perbelanjaan wang keluar masuk plantif. Peguam Defendan merasakan pentingnya dimasukkan Ikatan Dokumen Tambahan tersebut iaitu Buku Akaun BBMB milik Defendan yang

menunjukkan duit keluar masuk yang digunakan untuk perbelanjaan seisi rumah. Pokok persoalan ini timbul kenapakah ketika pihak Plantif, saksi-saksi plantif selesai memberi keterangan dan menutup kesnya, baru hendak dikemukakan ikatan dokumen tambahan tersebut.

3. Pihak Peguam Defendan mengetahui kesilapan tersebut kerana terlepas pandang, dimana buku BSN milik defendan telah tercicir daripada akaun BBMB. Ikatan dokumen adalah Akaun Bank Bumiputera milik Defendan dari tahun 1992 – 1994. Ianya amat penting untuk dimasukkan bagi menyokong keterangan Defendan. Dokumen tersebut menunjukkan perbelanjaan sebenarnya dari Plantif dan keluarganya. Dalam persolan ini, peguamcara Defendan cuba membangkitkan persoalan mengenai dokumen tersebut samaada ianya boleh dimasukkan sebagai Ikatan Dokumen Tambahan IDD 5. Ini adalah kerana status perbicaraan sekarang ini belum tamat lagi walaupun pihak Plantif dan saksi- saksi yang telah selesai memberi keterangan dan menutup kesnya.
4. Diatas sebab-sebab tertentu, Peguam Defendan telah cuba untuk menguatkan hujjahnya dengan merujuk peruntukan **Seksyen 48 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002** yang menyatakan:

48. “Kandungan surat boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder. Peruntukan ini bermaksud bahawa kandungan surat boleh dijadikan sebagai keterangan bahan bukti dengan cara pemohon yang membawa kandungan dari keterangan yang asal (primer) atau sekiranya yang asal (dikhuatiri telah hilang atau musnah) maka boleh dibawa salinannya (tidak asal).

5. Peguam juga merujuk **Seksyen 85 (Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002 (ETTMNM 2002)** memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memerintah mana-mana pihak Seksyen 85(a).

“a) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002; menyatakan dengan bersumpah secara lisan atau dengan affidavit apakah dokumen yang ada atau pernah ada dalam miliknya atau kuasanya berhubung dengan perkara yang berkenaan, atau sama ada dia ada atau pernah ada dalam miliknya atau kuasanya apa-apa dokumen atau jenis dokumen tertentu dan dalam mana-mana hal itu tempat tersimpannya mana-mana dokumen yang dahulunya berada dalam miliknya atau kuasanya, tetapi sekarang tidak lagi berada dalam miliknya atau kuasanya atau

b) Mengemukakan apa-apa dokumen yang berada dalam miliknya atau kuasanya.

6. Peguam Defendan merujuk kepada Seksyen 244 (ETMMNM) 2002.

Mengikut Seksyen 244; Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun 2002, “Tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyentuh kuasa sediaada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk mengelak ketidakadilan atau penyalahgunaan proses Mahkamah. Mengikut Seksyen 86(ETM MSNM) 2002 memperuntukkan;

“Mana-mana pihak adalah berhak untuk memeriksa dan membuat salinan apa-apa dokumen dalam milikan atau kuasa pihak yang satu lagi dan disebut dalam mana-mana pliding, affidavit atau dokumen lain yang difailkan olehnya dalam prosiding itu atau semasa pemeriksaan lisan di bawah Seksyen 85.

7. Peguam Defendan membuat rujukan kepada kes **XXXXXX (Mahkamah Tinggi Shah Alam) Civil Appeal No. RS-11-25-of 1996, Y.A Hakim Faiza Tambie Chik**, dan kisah zaman Nabi Musa mengenai seorang hartawan tua telah dibunuh oleh sepupu-sepupunya yang tamakkan harta yang mayatnya dicampakkan ke kampung lain kemudian menuduh penduduk tersebut membunuhnya.
8. Hujahan seterusnya tatkala Saidina Ali diutus menjadi Kadi di Yaman dimana Hakim hendaklah mendengar keterangan kedua belah pihak sebelum membuat sesuatu keputusan. Begitu juga peristiwa fitnah yang berlaku terhadap Sayyidatina Aishah r.a. yang memerlukan kepada pembuktian. Pembuktian tersebut memihak kepada Syaidatina Aishah r.a. Peguam Plantif berhujjah pula bahawa permohonan Peguam Syarie Defendan yang ingin mengemukakan Ikatan Dokumen Tambahan ketiga (IDD 5) pada tahap ini akan menyebabkan ketidakadilan berlaku kepada Plantif dan akan memprejudiskan Plantif dimana akibat daripada ini akan mencatatkan keseluruhan prosiding perbicaraan.
9. Seterusnya, pemfailan ikatan dokumen tambahan pada tahap ini sekiranya dibenarkan akan menyebabkan berlakunya penyembunyian bukti oleh Defendan yang akan digunakan terhadap Plaintiff apabila Defendan merasakan perlu digunakan.

10. Asas kepada bantahan Plantif adalah seperti berikut:-

- (i) Tanggungjawab pihak-pihak untuk menzahirkan kesemua dokumen yang akan digunakan sebelum perbicaraan. Peguam Syarie juga bertanggungjawab untuk menasihatkan Anak Guaman untuk mendedahkan kesemua dokumen yang perlu sebelum daripada perbicaraan. Dari segi amalannya, semua dokumen yang ingin digunakan perlu diserahkan kepada pihak-pihak sebelum perbicaraan, Ini akan membolehkan pihak-pihak mengetahui terlebih dahulu.
- (ii) Dokumen tidak relevan dan berulang-ulang. Mahkamah boleh rujuk Ikatan Dokumen Tambahan Defendan (“IDD-4”) yang telah disertakan buku Akaun Simpanan Defendan. Tidak nampak apa relevannya untuk difailkan Buku Akaun Simpanan Defendan yang lain.
- (iii) Dokumen tiada kaitan dengan surat guaman (pliding) yang difailkan oleh Peguam Syarie Defendan. Tiada perkara yang dibangkitkan di dalam surat guaman yang ada kaitan dengan pemfailan Ikatan Dokumen Tambahan.
- (iv) Pemfailan Ikatan Dokumen Tambahan akan menyebabkan tidak ada pengakhiran di dalam sesuatu perbicaraan. Mana-mana pihak boleh “mengejutkan” lawannya dengan membawa bukti baru dan alasan mereka ialah pihak lawan boleh menyoal balas semula. Perbicaraan

ini tidak boleh dibenarkan kerana ini bertentangan dengan keseluruhan konsep perbicaraan di bawah Acara Mal yang mengkehendaki kesemua pihak untuk mengemukakan dokumen mereka secara telus sebelum perbicaraan. Rujukan kepada cara perbicaraan di Mahkamah Sivil dan juga pendekatan yang digunakan di Mahkamah Amerika Syarikat dan United Kingdom.

- (v) Memprejudiskan pihak Plantif kerana bukti-bukti terbaru pada tahap kes Defendan akan menyebabkan gangguan terhadap persediaan kes Plantif keseluruhannya.

11. Dalam pertikaian tersebut Mahkamah akan menimbangkan dan menilai sejauh manakah prinsip keadilan diterima pakai oleh kedua-dua belah pihak. Persoalan sekarang apakah dengan tidak menyertakan Ikatan Dokumen Tambahan itu boleh menyebabkan ketidak ujudan keadilan berlaku kepada pihak-pihak yang terlibat. Atau apakah peri pentingnya ikatan dokumen tersebut hendak di bawa ke Mahkamah sehingga mengganggu kelancaran perbicaraan, sedangkan masa yang agak panjang diberikan kepada Defendan untuk memasukkan apa-apa dokumen tambahan sebelum perbicaraan.

12. Untuk itu Mahkamah akan merujuk kepada Nas Syarak dan Undang-Undang yang sedia ada samada boleh atau tidak memasukkan dokumen tambahan dan kalau dibenarkan apakah kesan-kesannya terhadap perjalanan prosiding Mahkamah yang sedang berjalan.

13. Menurut pendapat Dr. Muhammad Zuhaily di dalam kitabnya al-Tanzim Al-Qadhai Fi-al Fiqh al-Islami (التنظيم القضائي في الفقه الإسلامي) mukasurat 312 cetakan Dar al-Fikr Damsyik Syria. Seorang hakim hendaklah menjaga adab-adab perbicaran diantaranya:

(المساواة بين الخصوم)

ويجب على القاضي أن يسوى بين الناس في ترتيب الدعاوى وفي سماع أقوالها والنظر إليها

Wajib ke atas Qadhi memberi kesamaan kepada pihak-pihak yang bertelagah dari sudut tertib perbicaraan, mendengar hujjah dan melihat kepada keduanya tanpa melebihkan di antara satu sama lain.

14. Ini berdasarkan sepotong Hadis Nabi S.a.w :

قال النبي صلى الله عليه وسلم:

من أبتلى بالقضاء بين المسلمين فليعدل بينهم في لحظته ، وإشارته ، ومقعدته

رواه الدارقطني والبيهقي

Terjemahan: Sabda Rasulullah s.a.w.: barangsiapa dilantik menjadi Hakim maka hendaklah berlaku Adil di antara pihak-pihak dari sudut memandangnya, mengisyarat dan tempat duduknya.

Riwayat Imam al-Daruqudni dan Imam Baihaqi

15. Berdasarkan hadis di atas Qadhi hendaklah memberi kesamaan kepada pihak-pihak tanpa berat sebelah, seperti mendengar hujjah tiap-tiap pihak supaya tidak ada yang terinaya.

16. Menurut pandangan Prof. Dr. Muhammad Nu'iam Yasin di dalam Kitabnya (NAZARIYYAH AL-DAKWA) (نظرية الدعوى) mukasurat 476.

وليكن إمهاله على وجه لا يضر بخصمه ، فإن الإستعجال إضرار بمدّعي الدفع ، وفي تطويل
مدة إمهاله إضرار بمن ثبت حقه (وخير الأمور أوساؤها)

Boleh bagi Hakim menangguhkan hukum kerana memberi peluang pihak-pihak mengemukakan hujjah atas bentuk yang tidak memberi MUDHARAT kepada lawannya.

Sekiranya Hakim menyegerakan keputusan kebarangkalian memberi mudharat kepada yang mendakwa (المدعي) Manakala jika diberi peluang menangguhkan hujjah lagi ia akan membawa mudharat kepada pihak yang thabit haknya. Oleh sebab itu Hakim hendaklah memakai Qaedah (SEBAIK-BAIK PERKARA ITU IALAH PERTENGAHAN).

17. Manakala menurut pandangan Imam Syarahsyi (امام السرخسي) di dalam kitabnya al-Mabsud (المبسوط) jilid 16 mukasurat 63 iaitu;

والأرجح أن تقدير الأمد يعود إلى القاضي يقدره حسب الحاجة المبسوط ج – ص 16 63

Yang paling rajihnya (pendapat yang kuat) ialah kadar masa yang dibolehkan pihak menangguhkan masa mengemukakan hujjah adalah bergantung atas budi bicara seorang Hakim.

18. Manakala pandangan Imam Ibnu Qaiyyim di dalam kitabnya l'lam Muwaqqien (إلام الموقعين) juzuk 1 mukasurat 110.

ولكن لا ينبغي للقاضي أن يعطي أحد الخصوم مهلة إذا ظهر عناده, وبأن مقصده في التهرب من الحكم والمطل في اداء الحق الذي عليه

Tetapi tidak sepatutnya bagi seorang Hakim memberi tangguh kepada sebelah pihak yang bertelagah untuk mengemukakan lagi hujjah sekiranya nyata pententangannya dengan tujuan untuk lari dari hukuman atau tidak mahu menunaikan hak yang wajib ke atasnya.

19. Merujuk kepada pandangan-pandangan di atas, dapat disimpulkan di sini bahawa Hakim mempunyai budi bicara sepanjang mengendalikan proses perbicaraan dan tidak boleh membenarkan apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak-pihak sekiranya ia akan menyebabkan ketidakadilan kepada pihak yang satu lagi.

20. Mahkamah berpendapat bahawa jika pemfailan Ikatan Dokumen Tambahan Ketiga oleh Defendan akan menyebabkan ketidakadilan kepada pihak Plaintiff, maka Mahkamah mempunyai budi bicara untuk tidak membenarkannya kerana masa yang munasabah telah diberikan kepada Defendan untuk berbuat demikian sebelum perbicaraan dimulakan dengan kes Plaintiff.

21. Sebagai tambahan, rasional yang diberikan oleh Defendan untuk memfailkan Ikatan Dokumen Tambahan Ketiga tersebut juga tidak kuat dan Mahkamah berpendapat bahawa pemfailan dokumen tersebut ada unsure-unsur “afterthought” atau fikiran yang mendatang. Setelah Plaintiff selesai memberi keterangannya bersama-sama

saksi-saksi yang lain, baru Defendan ingin memfailkan Ikatan Dokumen ketiga tersebut.

22. Menurut pandangan al-Imam A'laUddin A'li bin Khalil al-Tharabulsi di dalam kitabnya (Mu'inu al-Hukkam):

قال الامام علاء الدين علي بن خليل الطر ابلسي في كتابه معين الحكام فيما يتردد بين الخصمين من الاحكام

23. Bahawanya pihak Defendan hanya wajib menjawab atas apa yang didakwa oleh pihak Plantif, selepas pembelaan terhadap tuntutan balas telah dibuat oleh pihak Defendan maka pihak Plantif tidak boleh lagi mengemukakan apa-apa dakwaan sampingan, ini kerana pihak Defendan hanya perlu menjawab atas apa yang didakwa sahaja selepas ia diperintahkan oleh Mahkamah sebagaimana yang tersebut di dalam kitab Mu:inu al-hukkam jilid 1 mukasurat 58 cetakan Dar-al-Fikr Beirut Lebanon

الدعاوى سبعة انواع : ومنها: ما سمعه الحاكم ويمكن المدعي من اقامة البينة على دعواه ويلزم المدعى عليه
بالجواب

Dakwaan di dalam Mahkamah ada tujuh kategori:

Di antaranya; Sesuatu dakwaan yang didengar oleh seseorang Hakim , Orang yang mendakwa (المدعي) berjaya mengemukakan (Baiyinah) bagi menyokong dakwaannya, Pihak (المدعي عليه) orang yang kena dakwa hanya wajib menjawab di atas apa yang didakwa sahaja.

24. Ini dikuatkan lagi dengan pandangan Imam Abu Hanifah sebagaimana yang termaktub di dalam kitab (Lisanul hukkam Fi Ma'rifatil Ahkam) mukasurat 228, jld 1 cetakan Dar al-fikr Beirut Lebanon.

(لسان الحكام في معرفة الأحكام) mengikut pandangan Imam Abu Hanifah;

وفي المنبع قال ابو حنيفة رحمه الله تعالى :

إذا قال المدعي : ليس لي بينة على هذا الحق ، ثم أقام البينة على ذلك ، ولم تقبل ، لأنه أكذب ببينته .

25. Di dalam Kitab al-Manba': Kata Imam Abu Hanifah:"Apabila al-Muddae' (yang mendakwa) berkata bahawa dia tidak ada apa-apa keterangan lagi (Baiyyinah) ke atas hak tersebut, selepas pembelaan sudah dibuat oleh pihak al-muddaa'a'laih (yang kena dakwa), pihak al-Mudaei cuba pula mengemukakan Baiyyinah lain pula, maka kata Imam Abu Hanifah: tidak boleh diterima lagi kena ia dikira mendustakan baiyyinahnya.

26. Dr. Abdul Nasir Abu Basal di dalam kitabnya Usul al-Muhakamat as-Syarieyyah Wa Nizam al-Qadha al-Syarie menegaskan akan syarat-syarat dakwaan seperti berikut:-

الشروط الأخرى المتعلقة بالدعوى:

1 - ان تتصف صيغة الدعوى بالجزم والتأكد والوضوح، فالتردد في الدعوى وعدم

الجزم محتوياتها يمنع من صحتها .

2 - أن تكون الدعوى في مجلس القضاء، وهذا الشرط وإن لم ينص عليه القانون

صرحة إلا ان إشتراط القانون تقديم لائحة الدعوى إلى المحكمة يستفاد منه

إشتراط مجلس القضاء ، وهذا من ناحية ومن ناحية أخرى فقد سبق في تعريف

الدعوى إنها في مجلس القضاء ، وعلى ذلك نصّت المجلة العدلية : (الدعوى
هى طلب واحد من آخر في حضور المحاكم)

27. Syarat-syarat yang berkaitan dengan dakwaan:

1. Sighah dakwaan mestilah jazam (pasti dan putus), takkid (kukuh), dan jelas, keraguan dan ketidakpastian isi kandungan di dalam satu-satu dakwaan menghalang kesahihan dakwaan tersebut .
2. Dakwaan mestilah berlaku di dalam prosiding perbicaraan, syarat ini sekalipun tidak jelas di dalam Enakmen Tatacara Mal tetapi syarat supaya memfailkan penyata tuntutan terlebih dahulu ke dalam Mahkamah memberi maksud “*di dalam prosiding perbicaraan di dalam Mahkamah*”

28. Di dalam Majallah ahkam Al-a’dliyah ada memperuntukkan satu kaedah iaitu:-

“Maksud **Dakwaan** ialah :Seseorang menuntut haknya dari orang lain dan berlaku mengikut prosiding didalam Mahkamah.

29. Menurut pandangan Imam AlaUddin Abi al-Hassan Ali ibnu Khalil al-Thorabulsi didalam kitabnya Muin Hukkam (معين الحكام) cetakan Dar al-Fikr ,mukasurat 12 menyatakan :

وأما القاضي فلا يحكم إلا فيما رفع إليه

“ Seseorang Hakim itu tidak akan menghukumkan satu hukuman melainkan apa yang dikemukakan kepadanya sahaja.

30. Daripada petikan kitab di atas, dapat disimpulkan bahawa selepas pembelaan telah dibuat oleh pihak Defendan, maka pihak Plaintiff tidak boleh lagi mengemukakan apa-apa dakwaan sampingan dan prinsip ini juga boleh diaplikasi kepada Defendan . Ini adalah kerana Defendan hanya perlu menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh Plaintiff dan tidak perlu untuk membuktikan selain apa yang dikemukakan oleh Plaintiff. Tambahan pula pemfailan dokumen ini tidak akan memberi peluang kepada peguam Plaintiff untuk merujuk semasa perbicaraan kes Plaintiff dalam proses soal utama atau soal semula. Penafian hak Plaintiff pada peringkat ini akan memprejudiskan Plaintiff seterusnya boleh menimbulkan ketidakadilan kepada Plaintiff.

31. Dalam kes ini Mahkamah dapati bahawa dokumen tambahan yang hendak dikemukakan sebagai IDD5 oleh pihak Defendan adalah dalam keadaan kes yang sedang dalam perbicaraan di mana pihak Plaintiff dan saksi-saksi telah selesai memberi keterangan dan menutup kesnya. Keadaan ini akan menimbulkan kecelaruan terhadap prosiding perbicaraan yang sedang berjalan. Ditambah pula pihak Peguam yang mewakili Plaintiff tidak boleh menyoal utama dan menyoal semula kepada Plaintiff. Walaupun begitu Hakim ada kuasa untuk memberi kebenaran kepada Peguam Plaintiff untuk memanggil dan menyoal kembali Plaintiff apabila tiba masanya.

32. Seterusnya memberi laluan kepada Peguam Defendan untuk menyoal balas Plaintiff. Akan tetapi, prosiding tersebut seolah-olah tidak teratur dan pincang dan jika dibenarkan ia akan membawa kepada kemudaratannya kepada pihak Plaintiff yang terpaksa menunggu begitu lama untuk mendapatkan keputusan.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

33. Jika dibenarkan juga, ia akan membawa kepada tidak ada pengakhiran di dalam sesuatu perbicaraan. Saya merasakan bahawa pihak-pihak diberi masa yang lama dan panjang untuk meminda dan menambah apa-apa penyata tuntutan , penyata pembelaan, penyata tuntutan balas dan apa-apa dokumen tambahan sebelum perbicaraan.

34. Ini menunjukkan bahawa pihak Peguam Defendan tidak menggunakan masa yang terluang ini untuk menyemak kembali apa-apa dokumen yang hendak dimajukan sebelum perbicaraan. Mahkamah boleh memaafkan kealpaan tersebut tetapi dengan kealpaan tersebut mengakibatkan kemudaratan kepada Plantif dengan menunggu masa yang panjang untuk memanggil dan menyoal Plantif semula. Ini akan menyusahkan Plantif. Dengan sebab itulah Mahkamah berpendapat bahawa perkara tersebut hendaklah dibuat satu arahan amalan yang mewajibkan semua pihak-pihak memfailkan apa-apa dokumen sebelum perbicaraan supaya perbicaraan tersebut berjalan lancar mengikut prosiding yang telah ditetapkan. Kalau tidak akan menjadi cerca merba seperti filem hindi.

35. Mengenai Seksyen 85 dan Sek. 86 (Enakmen Tatacara Mal (Mahkamah Syariah Negeri Melaka) Tahun (2002) yang ditimbulkan oleh Peguam Defendan, sebenarnya Seksyen tersebut berkehendakkan kepada penzahiran dokumen-dokumen yang telah difailkan sebelum perbicaraan. Mahkamah menarik perhatian kepada Seksyen 116(3) Enakmen Tatacara Mal (Mahkamah Syariah Negeri Melaka) Tahun (2002), walaupun dibawah tajuk pindaan terhadap affidavit tambahan boleh difailkan sebelum perbicaraan. Seksyen 117(1) Enakmen Tatacara Mal (Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun) (2002)(1), tiada affidavit boleh difailkan selepas perbicaraan

dimulakan kecuali dengan kebenaran Mahkamah. Ini bermakna Seksyen tersebut boleh digunapakai bagi qiasan iaitu dokumen tambahan bolehlah difailkan sebelum perbicaraan. Perkataan boleh menunjukkan ada budibicara Mahkamah untuk menerima atau menolak - sekiranya Mahkamah menolak, maka pihak Defendan tidak boleh merayu kecuali rayuan terhadap keputusan kes pada keseluruhannya. Mengenai isu kes-kes keputusan Mahkamah Sivil, maka Mahkamah boleh menggunakan keputusan tersebut sebagai (rujukan) selagi mana ia tidak bertentangan dengan Hukum Syara.

36. Berdasarkan hujjah-hujjah yang diberikan, Mahkamah amat berpuashati bahawa sesuatu dokumen tambahan yang hendak dikemukakan di Mahkamah hendaklah dikemukakan sebelum perbicaraan bermula mengikut **Seksyen 117 Enakmen Tatacara Mal (Mahkamah Syariah Negeri Melaka Tahun) (2002)**, maka dengan ini Mahkamah menolak permohonan tersebut dan kos ditanggung oleh pihak masing-masing.